

[MARTIN LINGS'S CONCEPT OF SUFISM]

KONSEP TASAWUF MENURUT MARTIN LINGS

*Nik Noraini Mohamad Daud
Research Centre for Theology and Philosophy,
Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Nozira Salleh
aziera@ukm.edu.my (Corresponding Author)
Research Centre for Theology and Philosophy,
Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

Abstrak

Golongan orientalis Barat seringkali menggambarkan tasawuf Islam dengan gambaran yang salah. Antaranya mereka menyatakan bahawa sumber ilmu tasawuf diambil daripada agama lain selain Islam dan tasawuf mengandungi unsur-unsur kesatuan manusia dengan Tuhan. Perkara ini merupakan cabaran yang besar kepada aliran arus perdana umat Islam pada masa kini iaitu Ahli Sunah Waljamaah. Hal ini kerana dakwaan sedemikian masih diteruskan oleh mereka dan seharusnya ia perlu ditangani dengan sewajarnya. Namun begitu, tidak semua orientalis Barat membahas tasawuf dalam skop yang salah, masih ada segelintir daripada mereka membincangkannya dalam situasi yang benar sebagaimana yang dilakukan oleh Martin Lings. Justeru, kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji Martin Lings dengan melengkapkan biografinya, pendidikan, karyanya dalam bidang tasawuf dan juga mengkaji pemikirannya mengenai tasawuf. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif iaitu menganalisis buku-buku dan artikel berkaitan dengan tajuk. Hasil kajian mendapati bahawa Martin Lings merupakan tokoh hebat dalam tasawuf dan seharusnya, beliau dan pemikirannya perlu diketengahkan kepada masyarakat Islam agar ia dapat dimanfaatkan dengan baik.

Kata Kunci: *orientalis Barat, tasawuf, Ahli Sunah Waljamaah, Martin Lings*

Abstract

Western Orientalists often portray Islamic Sufism with a wrong image. Among them, they state that the source of Sufism is taken from other religions besides Islam and that Sufism contains elements of human unity with God. This matter is a big challenge to the current mainstream of Muslims, namely Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. This is because they still make such allegations and should be handled accordingly. However, only some Western orientalis discuss Sufism in the wrong scope; there are still a few of them who discuss it in the right situation, as Martin Lings does. Thus, this study generally aims to study Martin Lings by completing his biography, education, and work in the Sufism field and his thoughts on Sufism. This study uses a qualitative research approach to analyze books and articles related to the title. The results of the study found that Martin Lings is an excellent figure in Sufism, and he and his thoughts need to be highlighted to the Muslim community so that they can be put to good use.

Keywords: *western orientalist, sufism, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Martin Lings*

*Article Received:
28 February 2023*

*Article Reviewed:
2 December 2023*

*Article Published:
13 Disember 2023*

PENDAHULUAN

Martin Lings merupakan seorang cendekiawan Inggeris yang banyak menghasilkan karya yang berkaitan dengan tasawuf. Walau bagaimanapun, beliau yang lahir pada tahun 1909 bukanlah berasal daripada keluarga yang beragama Islam. Namun, setelah memeluk Islam, beliau dikenali sebagai Abu Bakar Sirajuddin. Antara sumbangan Martin Lings yang amat bernilai adalah tulisannya tentang kisah hidup Rasulullah SAW iaitu *Muhammad: Based on Earliest Source*. Di samping itu, terdapat juga karya-karyanya yang lain seperti *What is Sufisme, A Sufi Saint of the Twentieth Century and Ancient Belief* dan *Modern Superstitious*. Karya-karya tersebut membincangkan berkenaan tasawuf secara umum dan sekaligus menerangkan pandangan beliau terhadap tasawuf. Kemudian, Martin Lings juga menghasilkan banyak terjemahan teks Islam, puisi, seni dan falsafah. Justeru itu, beliau telah dikenali sebagai seorang sufi yang gigih menyebarkan Islam di Barat melalui karya-karyanya.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN MARTIN LINGS

Martin Lings dilahirkan pada 24 Januari 1909 di Burnage, Manchester, England. Namun begitu, beliau dibesarkan di Amerika Syarikat oleh bapanya yang bekerja di sana. Kemudian, Martin Lings kembali ke England untuk meneruskan pengajiannya di Clifton College dan kemudiannya belajar pula di Magdalen College, Oxford. Beliau berjaya mendapat ijazah dalam bidang Bahasa Inggeris dan Sastera. Setelah tamat pengajian, beliau bertugas sebagai pensyarah yang mengajar dalam bidang pengajian Inggeris di Vytautas Magnus University di Kaunas, Lithuania yang terletak di Eropah Timur. Oleh sebab itu, beliau amat meminati puisi-puisi kesusasteraan Inggeris dan karya-karya Shakespeare (Lings, 2005: 2).

Sepanjang kehidupannya, Martin Lings telah mengembara ke pelbagai negara dalam usaha untuk mencari kebenaran agama kerana beliau tidak menemui kebenaran yang dicari dalam agama asalnya, Kristian. Pada tahun 1938, Martin Lings telah pergi ke Basle, Switzerland dan menemui Fritjof Schuon atau lebih dikenali dengan nama Shaykh Isa Nur al-Din. Beliau kemudiannya memeluk Islam dan mula belajar bahasa Arab bagi memudahkannya dalam pelaksanaan ibadah seharian. Beliau juga telah menyertai Tarekat al-'Alawiyyah yang dipimpin oleh Shaykh Isa Nur al-Din (Lings, 2005: 5-6).

Pada tahun 1944, Martin Lings telah berkahwin dengan Lesley Smalley yang turut memeluk Islam dan dikenali sebagai Rabia. Beliau kemudiannya tinggal di Kaherah, Mesir di perkampungan Nazlat al-Saman. Minat beliau yang mendalam terhadap keilmuan Islam dan Arab telah mendorong beliau untuk berada di sana. Beliau telah bertugas sebagai pensyarah bahasa Inggeris di Universiti Kaherah bagi menggantikan tempat sahabatnya yang terlibat dalam kemalangan. Pada masa yang sama, Martin Lings turut mempelajari dan mendalami bahasa Arab di sana (Hakiki, 2018: 81). Keberadaan Martin Lings di Mesir tidak begitu lama kerana pada tahun 1952, tercetusnya demonstrasi anti-British menyebabkan Martin Lings terpaksa kembali ke London.

Setelah pulang ke England, Martin Lings telah menyambung pengajian akademiknya ke peringkat ijazah kedoktoran (Ph.D.) di School of Oriental and African Studies. Beliau telah menghasilkan tesis Ph.D. tentang Shaykh Ahmad al-Alawi. Pada tahun 1970, Martin Lings berkhidmat di Muzium British sebagai pembantu penjaga manuskrip dan bertanggungjawab terhadap setiap manuskrip dan buku-buku bahasa Arab yang terdapat di situ. Pada tahun 1973, Martin Lings memegang jawatan yang sama di Perpustakaan British. Pekerjaannya ini telah mendorong beliau untuk menghasilkan bukunya iaitu *The Art of Quranic Calligraphy and Illumination* yang diterbitkan oleh The World of Islam Festival pada tahun 1976 di London. Di samping itu, beliau juga menghasilkan buku yang bertajuk *The Book of Certainty*. Selain itu, Martin Lings berjaya

memperolehi ijazah sarjanamuda dan ijazah kedoktoran (Ph.D.) dalam bidang bahasa Arab. Rentetan daripada situlah, banyak karya beliau dalam bahasa Arab dan Inggeris telah dihasilkannya (Gomaa, 2005: 87).

Pada 30 tahun terakhir hayatnya, Martin Lings banyak menghabiskan masanya untuk menulis dan menyampaikan ceramah tentang agama. Pada tahun 2005, beliau berkesempatan untuk mengembara ke Mesir, Dubai, Pakistan dan Malaysia. 10 sebelum beliau meninggal dunia, beliau telah menyampaikan ceramah yang terakhir di Wembley Conference Centre bersempena Maulidur Rasul dengan kehadiran seramai 3,000 hadirin (Eaton, 2005: 93). Pada tahun yang sama juga, beliau akhirnya telah menghembuskan nafasnya di kediamannya di Kent, England pada usia 96 tahun (Gomaa, 2005: 87).

KARYA-KARYA TASAWUF MARTIN LINGS

Martin Lings telah banyak menghasilkan karya yang hebat dan bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya dalam pelbagai bidang ilmu seperti sejarah, sastera, tasawuf dan lain-lain lagi. Namun begitu, antara pelbagai bidang tersebut, bidang tasawuf lebih menonjol dalam bilangan karya yang telah dihasilkan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Martin Lings telah mempelajari dan mendalami ilmu tersebut dan pada masa yang sama, ia juga menunjukkan kecenderungannya kepada bidang itu. Antara hasil karya beliau dalam bidang tasawuf ialah '*The Book of Certainty: The Sufi Doctrine of Faith, Vision and Gnosis*' yang diterbitkan pada tahun 1952. Tujuan penulisan buku ini menurut Martin Lings adalah untuk mengukuhkan kebenaran tentang agama Allah melalui ilmu kerohanian. Bukunya yang kedua pula ialah '*A Sufi Saint of the Twentieth Century: Shaikh Ahmad al-Alawi, His Spiritual Heritage and Legacy*' dan ia telah diterbitkan pada tahun 1961. Kemudian, buku '*What is Sufism?*' yang dikarang oleh Martin Lings telah diterbitkan pada tahun 1975 dan ia adalah salah satu tulisannya yang membahaskan tentang tasawuf secara mendalam. Buku terakhir yang dihasilkan oleh Martin Lings sebelum beliau meninggal dunia ialah '*A Return to The Spirit: Questions and Answers*'. Ia diterbitkan pada tahun 2005 oleh Fon Vitae dan pengenalannya ditulis oleh Hutson Smith. Buku ini adalah sebuah 'siri soal-jawab' yang mana ia menjawab persoalan-persoalan asas kerohanian yang timbul daripada para *salik*.

Pada hakikatnya, semua karya yang disebutkan itu telah memperlihatkan pemikiran Martin Lings terhadap tasawuf dalam pelbagai gambaran yang mudah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam.

TASAWUF MENURUT MARTIN LINGS

Pemikiran tasawuf menurut Martin Lings pada hakikatnya dapat dilihat dan ditinjau dalam karya-karyanya yang berkaitan seperti *What is Sufism?*, *The Book Of Certainty: The Sufi Doctrine of Faith, Vision and Gnosis* dan *A Sufi Saint of The Twentieth Century: Shaikh Ahmad al-Alawi*.

Menurut Martin Lings, tasawuf pada asasnya adalah wahyu yang telah diturunkan oleh Allah dan kemudiannya, ia dipatuhi oleh setiap Muslim. Justeru, Martin Lings menyifatkan tasawuf itu sebagai satu disiplin dan ilmu tentang pengabdian seorang hamba kepada Allah dan penghayatannya terhadap wahyu Allah sehingga mencapai tahap makrifat. Wahyu yang dimaksudkan dalam kenyataan beliau ini adalah al-Quran yang merupakan panduan dan pedoman hidup umat Islam sepanjang zaman. Rentetan daripada itu, Martin Lings sering menegaskan bahawa tasawuf berpusat kepada wahyu Allah dan keupayaan untuk mengikuti ajaran di dalamnya bukanlah suatu perkara yang boleh dicapai melalui akal fikiran manusia semata-mata (Lings 1987: 5, 1991: 1).

Di samping itu, Martin Lings (1987: 2) juga menyifatkan perihal tasawuf dan ahli sufi sebagai salah satu daripada perkara-perkara mistik kerana ia dikatakan berkisar tentang 'rahsia-rahsia kerajaan samawi' yang mana beliau tegaskan hanya Allah sahaja mengetahui hakikat tersebut. Dalam menjelaskan lagi kenyataan beliau itu, Martin Lings turut menyatakan bahawa tasawuf sebagai suatu ilmu atau kebenaran yang berkaitan dengan ketuhanan yang hanya tersingkap melalui rasa dan bukan penaaakulan semata-mata, maka disebabkan itu beliau menggunakan perkataan 'rahsia-rahsia' dalam menggambarkan. Justeru itu, Martin Lings menjelaskan bahawa imaginasi manusia hanya mampu untuk membenarkan keasyikan yang dialami oleh golongan sufi meskipun perkara tersebut tidak dapat dijelaskan secara tepat melalui lisan mahupun penulisan. Disebabkan itulah, beliau menyifatkan ahli-ahli sufi ialah orang yang tenggelam dalam keasyikan dan kenikmatan terhadap wahyu yang disampaikan kepada mereka, Bagi mendapatkan kenikmatan atau keasyikan tersebut, Martin Lings kemudiannya menyatakan bahawa para salik perlu meninggalkan perkara-perkara keduniaan serta tidak berhajat sedikit pun kepadanya sebagaimana golongan awam yang lain. Sekiranya ditanya kepada mereka tentang apa yang ada dalam diri mereka, nescaya jawapan mereka tentulah bukan badan dan bukan juga jiwa. Hal ini menurut Martin Lings turut digambarkan oleh Imam al-Ghazali dalam syair beliau, "Aku seekor burung, jasad adalah sangkarku. Namun aku telah terbang meninggalkannya sebagai kenangan". Di samping syair itu, Martin Lings juga menyifatkan ahli Sufi seperti Imam al-Ghazali pada hakikatnya telah meninggalkan dirinya sebelum kematian datang menjemputnya. Ini bermakna, Martin Lings cuba menyatakan bahawa ahli sufi seperti Imam al-Ghazali tidak memandang dan mengambil kehidupan dunia sepenuhnya sebagai matlamat hidup yang perlu dikejar, malah mereka hidup seadanya kerana tumpuan mereka sebenarnya pada kehidupan akhirat yang abadi. Seterusnya, Martin Lings membawa datang lagi satu analogi mudah dengan mengibaratkan dunia ini sebagai sebuah kebun yang mempunyai banyak anak pokok yang disemai. Namun, pada akhirnya pokok-pokok tersebut akan dipindahkan ke tempat lain yang lebih baik. Akan tetapi, ketika melihat anak-anak pokok tersebut, sudah tentu pandangan yang melihatnya akan tertumpu pada pokok yang paling indah dan menyerlah di antara pokok-pokok tersebut. Maka, pokok-pokok tersebut diibaratkan sebagai jiwa dan pokok yang paling menyerlah itu adalah gambaran kepada orang yang berada dalam keadaan (*haal*) yang tertinggi (Lings, 1987:5).

Seterusnya dalam menjernihkan tasawuf dan ahli Sufi yang benar, Martin Lings turut membincangkan tentang golongan yang cuba memberi gambaran tasawuf dan ahli Sufi dalam perspektif yang berbeza dan bercanggah dengan pendapat ulama-ulama Islam. Pada zaman kini, muncul pelbagai ajaran dan amalan yang berkaitan dengan kerohanian, yang mana ia hampir sama dengan tasawuf Islam, walaupun mereka menganggap tasawuf adalah bebas daripada ikatan mana-mana agama tertentu. Justeru itu, beliau menempelak golongan ini yang mengaku bahawa dirinya ialah seorang sufi sedangkan mereka menolak tasawuf Islam yang benar. Selain itu, beliau menyifatkan golongan yang mendakwa bahawa tasawuf adalah tidak terikat kepada mana-mana agama dan ia adalah universal, merupakan golongan yang keliru dalam memahami tasawuf yang sebenar. Walau bagaimanapun, Martin Lings menyatakan bahawa keuniversalan tasawuf tidak bererti ia menghilangkan kekhususannya meskipun semua mistisisme lain dianggap universal dalam pengertian yang lebih luas kerana matlamatnya adalah menuju kepada Yang Maha Benar. Dalam hal ini, Martin Lings tetap berpendirian teguh bahawa landasan ajaran tasawuf adalah tetap datang daripada sumber yang satu iaitu al-Qur'an. Hal ini adalah kerana tasawuf merupakan satu bidang, disiplin dan ilmu pengetahuan yang bersumberkan wahyu Ilahi (Lings, 1987: 6).

Oleh yang demikian, bagi menangkis dakwaan golongan tersebut, Martin Lings telah menjelaskan konsep tasawuf yang sebenar kepada Barat. Beliau membincangkan sejarah kemunculan tasawuf, pengalaman kerohanian seperti *tajalli* dan *makrifat*. Akan tetapi, Martin Lings lebih mengkhususkan perbincangannya kepada fahaman *wahdatul*

wujud yang menurutnya, ia merupakan konklusi utama bagi kalimah syahadah. Di samping itu, beliau melihat isu tersebut sebagai salah satu isu yang sering dibicarakan dan dibahasakan dalam perbahasan tasawuf dan tarekat kerana para ulama berbeza pendapat dalam perkara tersebut. Begitu juga dengannya, beliau mempunyai pandangannya tersendiri dalam menyatakan isu berkenaan. Dalam hal ini, Martin Lings (1987: 33) juga sentiasa membawa ayat al-Quran ini sebagai sokongan kepada perbincangannya iaitu, "Allah meredhai orang-orang yang beriman tatkala mereka berikrar setia kepadamu di bawah sebuah pohon. Dia mengetahui isi hati mereka dan menurunkan ketenteraman kepada mereka. Kemudian memberi ganjaran kepada mereka suatu kemenangan yang dekat" (Surah al-Fath 48:18). Ayat ini menunjukkan bahawa tarekat yang dijadikan sebagai jalan untuk mencapai tahap tertinggi dalam ajaran tasawuf telah termaktub di dalam al-Quran serta perkara tersebut telah diredhai oleh Allah.

Wahdat al-Wujud

Martin Lings memperkenalkan tasawuf di Barat dengan membawa fahaman *wahdat al-wujud* sebagai dasar perbahasan dan perbincangannya. *Wahdat al-wujud* adalah salah satu fahaman dalam tasawuf falsafi yang sentiasa menjadi kontroversi dalam dunia tasawuf. Pada awalnya, konsep ini dikatakan telah dibawa oleh Ibn Arabi meskipun beliau tidak pernah mengungkapkan istilah *wahdat al-wujud* tersebut. Pada perbahasan berkenaan, *wahdat al-wujud* difahami sebagai semua yang wujud hanya satu dan wujud makhluk pada hakikatnya adalah wujud *Khaliq* juga. Selain itu, ramai yang berpandangan bahawa Tuhan mengambil tempat dalam tubuh manusia yang telah bersih daripada sifat kemanusiaan dan dapat mengembangkan sifat-sifat ketuhanan sehingga berlakunya kesatuan antara Tuhan dan hamba. Manakala alam ini dikatakan telah diciptakan oleh Allah daripada 'ayn wujudnya sehingga apabila Tuhan ingin melihat diriNya, maka Tuhan cukup melihat alam ini kerana pada hakikatnya ada perbezaan antara kedua-duanya. Maka, pemahaman sebeginilah yang diterima oleh segelintir masyarakat Islam tanpa penerangan yang jelas sehingga membawa kepada pelbagai tanggapan yang negatif terhadap tasawuf secara umumnya. Justeru itu, Martin Lings juga turut tidak ketinggalan dalam menjelaskan perkara tersebut kepada masyarakat terutamanya umat Islam di Barat. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menentang dakwaan golongan yang menyatakan bahawa *wahdat al-wujud* adalah sama dengan konsep yang dibawa oleh agama lain seperti Hindu dan Buddha (Getzer, 2010: 1).

Martin Lings menjelaskan bahawa semua ahli sufi tentu merasai tahap pemikiran atau keadaan yang berbeza kerana ia merupakan proses untuk mencapai makrifat, yang mana beliau tegaskannya sebagai matlamat utama dalam tasawuf. Dalam proses tersebut, pelbagai pengalaman kerohanian yang mereka alami menyebabkan terzahirnya ucapan-ucapan spontan seperti puisi. Akan tetapi, isu *wahdat al-wujud* menjadi isu utama yang dibahasakan kerana ia merupakan tujuan terakhir dalam mistisisme dan ia adalah hasil daripada pengalaman kerohanian murid yang merasakan dirinya berada dalam Hadirat Yang Kekal sedangkan perkara tersebut tidak benar-benar berlaku tetapi sekadar perasaan dan fikirannya sahaja (Lings, 1989: 114-115).

Martin Lings melihat fahaman *wahdat al-wujud* pada hakikatnya tersirat dalam nama Tuhan iaitu *al-Haqq* (Yang Maha Benar). Beliau menyatakan bahawa nama Allah ini adalah gambaran kepada satu Hakikat iaitu satu sifat utama bagi Allah dan semua yang lain bergantung sepenuhnya padanya. Setiap nama-nama yang terkandung pada zatNya seperti 'Allah' tidak semata-mata merujuk pada satu aspek ilahiyah sahaja, bahkan dalam keadaan lain, ia juga digunakan atau digantikan dengan *al-Haqq* yang bermaksud Kebenaran dan Hakikat. Oleh itu, Martin Lings menegaskan bahawa kefahaman tersebut harus dipersetujui bahawa tiada yang hakiki kecuali Hakikat Allah, dan setiap Muslim baginya wajib percaya kepada hak tersebut (Lings, 1989:120-122).

Manakala perkataan '*wujud*' adalah untuk mengungkapkan Hakikat mutlak iaitu Allah. Hal ini adalah kerana perkataan tersebut merujuk kepada yang ada, bukannya yang tiada (Lings, 1989: 122). Ini bermakna, Martin Lings cuba menjelaskan bahawa fahaman ini hanyalah berkaitan Hakikat Mutlak sahaja dan ia sebenarnya tidak mempunyai sebarang kaitan dengan hakikat dalam pengertian umum iaitu pengertian-pengertian nisbi sebagaimana yang sering diungkapkan oleh para sufi sebagai 'metaforik.' Ungkapan metaforik adalah ungkapan secara perbandingan atau analogi dan tidak dapat dinyatakan dengan jelas terhadap maksud ungkapan tersebut sebagaimana ungkapan yang pernah dikeluarkan oleh Imam al-Ghazali iaitu mengenai para ahli makrifat yang bangkit daripada suatu dataran rendah kepada puncak kebenaran. Ia adalah satu gambaran yang menunjukkan proses peningkatan *maqam* mereka. Dalam hal ini, Martin Lings menjelaskan bahawa para ahli makrifat tersebut melihat tiada sesuatu pun kecuali hanya Tuhan Yang Mutlak dan Dia menunjukkan diriNya Yang Esa (Lings, 1989: 113). Selain itu, Martin Lings melihatnya sebagai satu perkara yang berkaitan dengan *wahdatul wujud* yang menunjukkan bahawa sebenarnya Hakikat Mutlak iaitu Tuhan bukanlah sebagaimana yang dinisbahkan oleh para sufi secara umum kerana penisbahan tersebut hanya bersifat metafora sahaja. Justeru itu, Martin Lings menegaskan bahawa kebanyakan dakwaan sufi tentang *wahdat al-wujud* seringkali difahami dengan makna kesatuan hamba dengan Tuhan, sedangkan perkara tersebut adalah mustahil bagi sifat Allah yang bersih daripada menyamai dengan makhluk. Oleh itu, Martin Lings membawa pandangan Imam al-Ghazali yang mana beliau menyatakan bahawa golongan yang mencapai makrifat ialah mereka yang mampu 'melihat' Allah melalui kurniaanNya sehingga mereka meyakini bahawa kewujudan Allah sahaja yang kekal. Mereka ini berada dalam kesedaran bahawa tiada yang *mawjud* selain Allah dan semesta ini pula tentunya milik Allah (Lings, 1989:130-131).

Seterusnya, Martin Lings turut menjelaskan lagi bahawa *wahdat al-wujud* itu adalah milik Tuhan dan tentang diriNya yang *mawjud*. Inilah yang dikatakan wujud mutlak yang tidak terbatas kerana tidak dapat diukur dan tidak dapat dibatasi oleh sesuatu pun. Oleh itu, ia adalah mustahil adanya wujud lain bersama wujud Tuhan. Para ahli makrifat tidak menafikan wujud Tuhan sebagaimana mereka tidak menafikan objek-objek yang terlihat dalam pandangan mereka yang tertutup. Bagi mereka, penampilan kebenaran rohani oleh intelek atau akal lebih kuat berbanding penampilan objek yang terlihat oleh panca indera sahaja (Lings, 1989: 131).

Kemudian, Martin Lings menyimpulkan bahawa *wahdat al-wujud* pada hakikatnya adalah fahaman yang menjelaskan bahawa di sebalik tirai atau hijab manusia, terdiri daripada pelbagai unsur yang mampu difahami iaitu adanya satu Tuhan Hakiki yang bukan terdiri daripada bahagian-bahagian tertentu, bahkan Dia yang mendasari setiap ciri yang berbeza-beza di alam semesta ini. Di samping itu, Martin Lings melanjutkan perbincangannya tentang 'Yang Tak Terbatas' atau 'Alam Yang Mutlak' yang dilihat sebagai universal kerana kefahaman *mawjud*Nya terkandung dalam diri manusia serta di luar diri manusia. Baginya, dunia terbatas adalah daripada segi ruang dan waktu yang mana setiap manusia melihat melalui tirai-tirai yang menyembunyikan Dunia Hakiki tersebut. Tirai-tirai tersebut adalah panca indera manusia sendiri seperti mata adalah tirai yang menutupi Penglihatan Hakiki, telinga adalah tirai yang menutupi Pendengaran Hakiki dan begitu jugalah dengan panca indera yang lain. Oleh itu, Martin Lings menyatakan bahawa kebenaran Dunia Hakiki hanya dapat dilihat dengan menyingkap tirai-tirai tersebut. Walaupun begitu, Martin Lings tetap berpendirian bahawa 'Dia tidak bersatu dengan benda-benda lain bahkan tiada apa pun yang boleh ditambah pada-Nya yang menjadikan-Nya lebih daripada satu (Lings, 1989: 113; Hakiki, 2018: 85).

Seterusnya, Martin Lings menjelaskan lagi fahaman ini dengan penerangan kalimah syahadah yang membuktikan bahawa tiada yang hakiki melainkan 'Hakikat Yang Satu' iaitu Allah. Dalam ungkapan *Lā ilāha illa Allāh* (Tiada Tuhan melainkan Allah) merangkumi semua yang wujud iaitu wujud yang universal (*wujud kullī*) dan wujud yang

khusus. Ia boleh juga disebut sebagai 'Wujud Yang Benar' dan wujud ciptaan. Wujud ciptaan terdapat di bawah *Lā Ilāha* yang membawa maksud bahawa semua makhluk yang selain Tuhan adalah tiada, manakala wujud yang benar-benar ada ialah Allah sahaja dan ia terdapat di bawah *illa Allāh* (Hakiki, 2018: 86).

Menjawab persoalan tentang kesucian Tuhan, Martin Lings bersetuju dengan pandangan guru tarekatnya Shaykh Ahmad al-Alawi yang berpandangan bahawa fahaman *wahdat al-wujud* adalah fahaman yang paling hampir untuk membawa manusia kepada Tuhan dengan memperlakukannya secara adil. Selain itu, dalam penulisan beliau yang diambil daripada pandangan al-Kharraz yang mana beliau mengatakan bahawa dalam al-Quran, Allah telah menggelarkan para wali dengan gelaran *al-Muqarrabun* yang bermaksud 'yang dekat' dan perkataan tersebut dijelaskan pula melalui ayat "Kami lebih dekat dengannya dibandingkan pembuluh darahnya". Melalui ungkapan hadis qudsi ini, Martin Lings menyatakan kedekatan yang dimaksudkan adalah identiti iaitu keupayaan seorang hamba untuk mendekati Allah melalui ibadah-ibadahnya secara ikhlas sehingga Allah mencintainya. Ketika Allah mencintainya, setiap penglihatan, perasaan dan perbuatannya adalah dipandu oleh-Nya. Justeru, perkara inilah yang dianggap sebagai kesatuan dengan Tuhan dan digelar sebagai *wahdat al-wujud* (Lings, 1971: 118). Jika diteliti penjelasan Martin Lings pada perbincangan *wahdat al-wujud* ini, dapat dilihat bahawa beliau cuba untuk menjustifikasi setiap hikmah (Hakiki, 2018: 93).

Kesimpulannya, fahaman *wahdat al-wujud* pada pandangan Martin Lings adalah fahaman yang meyakini bahawa yang ada hanyalah wujud hakiki yang mana ia merupakan milik Allah semata-mata sedangkan wujud selainNya adalah wujud *khayali*. Perkara yang *mawjud* selain Tuhan adalah bersifat sementara dan tidak kekal sebagaimana wujud Tuhan. *Wahdat al-wujud* merupakan ungkapan tauhid yang paling tinggi yang merupakan dasar utama ajaran Islam dengan menggabungkan pemahaman terhadap *tanzih* dan *tashbih* secara tidak terpisah. Dalam menjelaskan perkara tersebut, akhirnya pelbagai penjelasan dan penerangan yang menggabungkan antara falsafah dan teori, yang mana ia sebenarnya adalah gambaran kepada pengalaman kerohanian.

Tanzih dan Tasybih

Menurut Martin Lings (1993: 133), kebenaran yang mesti diyakini tentang keesaanNya sebagaimana yang dinyatakan dalam perbincangan *wahdat al-wujud* adalah daripada sudut Zat, sifat dan perbuatanNya kerana Ia tidak terdiri daripada bahagian-bahagian tertentu dan juga tidak bersifat majmuk. Keesaan Tuhan adalah tetap, tidak bertambah dan berkurang. Tuhan wujud dan tiada yang menyertaiNya atau bersama denganNya. WujudNya sekarang adalah sama sebagaimana Dia dahulu kerana sifat-sifatNya adalah berdiri pada zatNya. Keesaan zatNya adalah mustahil ada perbuatan lain selain perbuatanNya. Wujudnya Tuhan adalah tetap, Ia tidak bertambah dan tidak pula berkurang.

Lantaran itu, dalam mengenal Allah, manusia harus melihat juga kepada aspek *tanzih*Nya (kesucian Allah daripada segala sifat yang baharu) dan *tasybih*Nya (keserupaanNya dengan yang baharu). Ini bermakna gabungan kedua-dua aspek tersebut merupakan perkara yang penting dalam mengenal Allah kerana menurut Abu Sa'id al-Kharraj, apabila seseorang mengenali Allah hanya dengan aspek *tanzih* sahaja, maka dia telah membatasi kemutlakanNya. Ini disebabkan, erti *tanzih* adalah menafikan segala sifat bagi Allah seperti yang dilakukan oleh kalangan Mukhtalif yang melucuti Tuhan daripada segala sifat, hingga Allah menjadi suatu yang tidak mampu dikenal dan dijangkau oleh akal fikiran. Hal ini mengakibatkan terputusnya hubungan Tuhan dengan manusia. Begitu juga, sekiranya mengenal Allah dalam aspek *tasybih* sahaja seperti yang dilakukan oleh golongan Mujassimah, maka ia membawa kepada pemahaman keserupaan Tuhan dengan makhluk yang bersifat baharu (Anon, 2013: 1).

Menurut Martin Lings (1984: 71), tersingkapnya tirai yang tertutup bagi ahli makrifat telah menyebabkan mereka terlontar ungkapan perumpamaan (*tashbih*) Tuhan dengan makhluk. Perkara ini membuat pendengar yang masih tertutup tirainya, mencerca mereka walaupun ungkapan tersebut adalah dianggap penegasan yang ekstrem terhadap Tuhan. Disebabkan tiada sesuatu yang dapat dibandingkan dengan Tuhan, maka mereka menyerap kembali ke dalam diri Tuhan ketika mengenali kualiti yang membentuk dirinya. Inilah *tashbih* yang menjadi pelengkap kepada *tanzih* (Hakiki 2018: 87). Melalui pandangan Martin Lings ini dapat difahami bahawa *tashbih* berlaku apabila ahli Sufi terlontar ungkapan-ungkapan yang membawa maksud menyamakan Tuhan dengan makhluk. Ungkapan ini dinamakan juga sebagai *shatahat* atau lathahan para sufi sebagaimana yang terjadi kepada Abu Yazid. Diceritakan bahawa ketika Abu Yazid berada dalam keadaan *fana'*, beliau berkata: "Tidak ada Tuhan selain aku. Sembahlah aku. Maha sucilah aku, alangkah besarnya kekuasaanku". Ketika sedar, muridnya bertanya tentang perkara tersebut, lalu beliau menjawab: "Aku tidak tahu apa yang ku katakan. Jika aku berkata sedemikian itu lagi, maka pancunglah leherku dengan pedang" (M. Zain, 2013: 16). Hal seumpama ini menyebabkan mereka menerima cercaan daripada golongan yang melihat daripada kaca mata akidah kerana perkara tersebut boleh membawa kepada kekufuran. Walau bagaimanapun, ungkapan yang disebut sebagai *shatahat* ini tidak wajar dikritik secara ekstrim memandangkan hanya mereka yang dikurniakan Tuhan pengalaman tersebut dapat merasainya sehingga wujudnya *tashbih* dalam ungkapan mereka. Lantaran itu, Martin Lings melihat perkara tersebut daripada sudut yang positif dengan mendakwa bahawa ungkapan sebegitu mungkin bertujuan untuk memberi kefahaman kepada orang lain tentang Tuhan ketika para Sufi ini mencapai makrifat (Lings, 1984: 71).

Kemudian, Martin Lings (1987: 122) merujuk hal ini kepada apa yang dikatakan oleh Ibn 'Ashir iaitu, "Dia merupakan Wujud, Tanpa Awal, Tanpa Akhir, Berdiri Sendiri, Tidak Menyerupai Makhluk pada zat, sifat dan perbuatan." Oleh itu, Ibn 'Asyir mengulas bahawa semua tersebut adalah milik Tuhan semata-mata dan tidak ada perkara tersebut pada diri manusia. Maka, mustahil untuk menggambarkan Tuhan dengan makhluk yang tidak memiliki sifat-sifat tersebut. Beliau menambah lagi dengan mengatakan, "Jika kau menggambarkan dirimu dengan salah satu dari sifat-sifat ini, bererti kau berbantahan dari Tuhanmu".

Dalam kenyataan tersebut, dapat dilihat bahawa Martin Lings menyucikan-Nya daripada sudut akidah yang mana beliau menyatakan sifat-sifat Tuhan berdiri pada zatNya dan berbeza dengan makhluk. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa mustahil bagi manusia mengatakan bahawa diri mereka adalah Tuhan atau sifatnya sama dengan Tuhan kerana zatNya, sifatNya dan perbuatanNya adalah bersalahan atau berbeza dengan makhluk. Justeru itu, pandangan Martin Lings terhadap Tuhan tidak bertentangan dengan ajaran akidah menurut Ahli Sunah Waljamaah yang turut menyucikan Allah daripada menyamakan dengan makhluk, namun beliau tidaklah *tanzih* secara mutlak sebagaimana yang dilakukan oleh golongan Muktazilah.

Tajalli

Tajalli bermaksud tersingkapnya tirai yang merupakan batasan atau penghadang daripada alam ghaib. Penyingkapan diri Tuhan merupakan cahaya *batiniyyah* yang masuk ke dalam hati. *Tajalli* hanya berlaku apabila seseorang itu telah mencapai *fana'* iaitu satu peringkat yang mana dia merasa telah lenyap daripada segala sesuatu kecuali Allah, lalu dia yakin mampu melihat Allah pada ketika itu. Hal ini dipercayai bahawa Allah telah mengurniakan kepada golongan ini nikmat untuk menyaksikanNya. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan antara ahli sufi dalam menjelaskan

penyingkapan tersebut kerana pengalaman *tajalli* tidak sama daripada seorang individu kepada individu yang lain (Jinchou, t.th: 2).

Memandangkan *tajalli* merupakan salah satu hal yang membuktikan kewujudan Tuhan apabila seseorang salik telah mencapai *maqam* tertentu dalam aspek tasawuf, maka Martin Lings turut tidak ketinggalan membincangkan perkara tersebut. Menurutnya, Tuhan menampakkan diri (*tajalli*) melalui ciptaanNya seperti apa yang ditulis oleh Shaykh Ahmad al-Alawi yang menyatakan bahawa Tuhan telah memanifestasikan diriNya melalui ciptaanNya, namun semua ciptaanNya adalah mustahil untuk bergabung denganNya. Oleh sebab itu, Martin Lings sering menegaskan bahawa dunia pada hakikatnya adalah penampakan Tuhan bagi diriNya. Namun daripada aspek keesaanNya, sesungguhnya Tuhan dianggap sebagai tidak dapat dikenal (*kanz makhfi*) terutama dalam pengetahuan tentang Esensi. Baginya, Tuhan mengungkapkan kemungkinan-kemungkinanNya dengan cara yang pelbagai dan berbeza serta menciptakan manusia untuk menjadi saksi kepada pengungkapan tersebut. Hal ini menurut Martin Lings telah tergambar dalam hadis Qudsi yang sering disebut oleh para sufi, Allah berfirman, "Aku adalah Khazanah tersembunyi dan Aku ingin dikenali, maka Aku ciptakan dunia ini" (Lings, 1987:14, 1993: 39).

Walaupun bagaimanapun, Martin Lings menyatakan bahawa 'melihat' Tuhan bagi ahli makrifat ini sama sekali tidak serupa dengan melihat sesuatu zat dari dunia inderawi. Buktinya dapat dilihat pada jawapan Allah kepada Nabi Musa AS ketika baginda memohon untuk melihatNya secara nyata. Allah berfirman, "Kau takkan melihatKu. Pandanglah gunung itu, jika ia berdiri tegak di tempatnya, maka kau akan melihat Aku" (Surah al-A'raf 7:143). Ayat ini menurut Martin Lings menunjukkan bahawa Allah tidak mampu dilihat dengan mata kasar manusia kerana Dia tidak berada di dalam alam mahupun di luar alam. Kemudian, beliau menjelaskan lagi bahawa sebelum terjalinnya hubungan antara mata jasmani dengan mata batin, maka mata jasmani tidak mampu menyaksikan Hakikat apabila ia berharap untuk melihatNya. Namun, ketika mata jasmani menjadi penglihatan batin yang murni, penyaksian Allah dapat dilihat sebagaimana yang telah dinyatakan dalam al-Qur'an, "Tiada yang menyerupai Dia." Ayat ini menurut Martin Lings menggambarkan tentang zatNya yang sememangnya tidak sama dengan semua makhluk (Lings, 1971: 157-158).

Selain itu, Martin Lings juga menjelaskan bahawa *tajalliyat* sifat Ilahi dapat dilihat dari alam ini. Ia merujuk kepada ulasan beliau tentang *tajalliyat* sifat-sifat Ilahi yang menunjukkan bahawa alam ini terjalin daripada sifat-sifat tersebut yang diambil daripada karya Shaykh Ahmad al-Alawi dalam risalah *al-Unmudzaj al-Farid* yang agak kompleks kerana shaykh telah mengemukakan simbol-simbol tertentu untuk sebagai penjelasannya. Shaykh al-Alawi mengatakan,

Whenever I speak of the Point I mean the Secret of the Essence which is named the Oneness of Perception (Wahdat ash-Shuhūd), and whenever I speak of the Alif I mean the One Who Alone is (Wāhid al-wujūd), the Essence Dominical, and whenever I speak of the Bā' I mean the Ultimate Manifestation which is termed the Supreme Spirit, after which come the rest of the letters, then single words, then speech in general, all in hierarchy. But the pivot of this book turneth upon the first letters of the alphabet on account of their precedence over the others.

Shaykh Ahmad al-Alawi mendatangkan huruf *alif* dan *ba'* dalam penjelasannya kerana kedudukan kedua-duanya pada huruf-huruf *hija'iyah* adalah sebagaimana kedudukan *basmalah* dalam al-Quran iaitu pada tempat yang pertama atau permulaan surah. Kedua-dua huruf *alif* dan *ba'* jika digabung akan menjadi *ab* (bapa) yang merupakan salah satu nama Tuhan. Beliau memetik ungkapan Nabi Musa AS yang berbicara kepada Tuhannya, "Sesungguhnya aku pergi kepada Bapaku dan Bapa kalian" iaitu kepada Tuhanku dan Tuhan kalian. Maka menurut shaykh, setiap huruf mempunyai rahsianya secara batin di sebalik huruf yang terzahir. Jika difahami kenyataan yang benar

di sebalik pelbagai bentuk huruf yang terzhahir, maka akan didapati bahawa huruf-huruf tersebut hanyalah tinta atau dakwat semata-mata. Hasil perbandingan tersebut menunjukkan bahawa tinta itu sebenarnya sangat berbeza daripada zatNya. Begitu juga dengan hakikat Tuhan yang hanya merupakan penzahiran yang menyingkap hijab dalam diri. Walau bagaimanapun keadaanNya dan di mana pun Dia berada, Dia adalah Tuhan. Oleh itu, apa-apa yang dilihat di bumi ini tidak boleh dijadikan sebagai perbandingan denganNya kerana *tajalli* bukanlah keupayaan untuk melihat Tuhan pada zat-Nya malah ia adalah cahaya yang menzahirkan wujud dalam hati yang suci (Lings, 1993: 150).

Kesimpulannya, *tajalli* menurut Martin Lings merupakan tanda-tanda tentang Allah pada ciptaan-Nya dan ditanamkan oleh-Nya dalam diri manusia supaya Dia dapat disaksikan oleh makhluk. *Tajalli* juga bukanlah merupakan sesuatu yang mustahil berdasarkan keterangan beliau sebelum ini. Namun, perkara tersebut dikatakan diperolehi melalui cara yang berbeza bagi setiap manusia sehingga tidak ada dua orang yang merasakan pengalaman *tajalli* yang sama. Justeru, jelaslah bahawa kewujudan Allah tidak terhibab oleh sesuatu akan tetapi manusia yang terhibab pandangannya apabila mereka belum mencapai *fana'* dan tidak menerima sebarang penyingkapan hijab tersebut.

Makrifat

Ilmu makrifat adalah ilmu tentang mengenal Allah atau disebut juga sebagai *makrifatullah*. Dalam sudut tasawuf, makrifat adalah tahap yang paling tinggi yang mampu dicapai oleh seseorang salik. Ini disebabkan kerana pada tahap ini, seseorang dapat merasai Allah dengan cara kerohanian iaitu *dhawq*. Dalam aspek ini, Martin Lings juga turut membicarakannya, namun ia memfokuskannya kepada pengalaman yang telah dialami oleh nabi sahaja.

Pada ulasan Shaykh Ahmad al-Alawi yang ditulis oleh Martin Lings (1993: 160-162), beliau telah menjelaskan tentang para ahli makrifat yang mana mereka dikatakan telah mati sebelum kematian yang sebenar. Hal ini membawa maksud *fana'* kerana makna kematian dalam kefahaman ahli sufi adalah lenyapnya kesedaran seseorang hamba (*extinction of the slave*). Mereka dikatakan mati terhadap dirinya dan terhadap dunia secara keseluruhannya, kemudian bangkit kembali (*baqa'*) di dalam Tuhan. Dalam keadaan ini, mereka tidak mampu untuk menjawab tentang kewujudannya kerana mereka tidak melihat kehadiran atau kewujudan mereka sendiri (Hakiki, 2018: 91).

Oleh itu, pada pandangan Martin Lings, makrifat dijelaskan sebagai pengetahuan langsung yang berkait rapat dengan hati manusia. Dalam aspek ini, *fana'* dan *baqa'* dapat difahami sebagai 'keterpisahan' dan 'penyatuan kembali' kerana dunia jasmani, dunia jiwa dan dunia roh adalah limpahan daripada kesatuan. Justeru, Martin Lings menyimpulkan bahawa *fana'* dan *baqa'* atau kematian dalam penciptaan dan bangkit dalam Tuhan adalah dikatakan *maqam* tertinggi, yang mana ia telah dicapai oleh para nabi dan wali yang terpilih sahaja. Kemudian, beliau menyatakan bahawa al-Qur'an telah menyebut tentang dua penglihatan yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW terhadap *al-Haqq* iaitu ketika Isra': yang pertama dengan mata batin iaitu kalbu dan yang kedua dengan mata jasmani. Manakala penglihatan kedua pula ialah nabi dalam keadaan melihat Pohon Sidrah (Sidrat al-Muntaha) sebagaimana yang terangkum dalam Surah al-Najm 53: 13-18,

Sungguh dia (Muhammad) telah melihatNya (dalam rupa yang asli) pada waktu yang lain iaitu di Sidratul Muntahā yang di sisinya terletak syurga "Jannah al-Ma'wa. Ketika sidrah al-Muntaha itu diliputi oleh makhluk dari alam ghaib yang tidak terhingga. Penglihatan Nabi Muhammad tidak berpaling dan tidak melampaui

batas. Demi sesungguhnya ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda kekuasaan Tuhannya.

Seterusnya, Martin Lings menjelaskan lagi bahawa penglihatan kedua itu jauh lebih menakjubkan berbanding penglihatan sebelumnya kerana ia dilihat sebagai satu keadaan yang dapat menyatukan unsur yang terpisah. Maka, Martin Lings melihat ayat 'di sinilah syurga tempat tinggal' sebagai Pohon Sidrah yang melambangkan satu pencapaian akhir iaitu makrifat dan baginya, sesiapa yang mencapai ufuk ini, maka dia diliputi cahaya Ilahiah, malah seluruh dunia juga diliputi cahaya tersebut sehingga seseorang itu tidak terlihat sesuatu apapun tanpa melihat Tuhan di dalamnya. Kemudian, perkara ini diterangkan lagi olehnya melalui ayat, "ketika Pohon Sidrah diliputi oleh yang meliputi" yang bermaksud "apabila ia diselubungi oleh cahaya Ilahiah, maka seluruh makhluk lenyap di dalam penampakan cahaya nama-nama dan sifat-sifat Tuhan." Martin Lings menekankan lagi bahawa ketika itu mata jasmani dan mata batinnya bersatu ketika melihat Tuhan. Oleh itu, Tuhan memujinya dengan "matanya tidak berpaling dan tidak melampaui batas" iaitu mata jasmani tidak berpaling daripada apa yang dilihat oleh mata batinnya (Lings, 1993: 173).

Dalam perbincangan lain berkenaan perkara ini, Martin Lings menyatakan bahawa terdapat pelbagai darjat kesempurnaan manusia yang kadang-kadang digambarkan secara simbolik sebagaimana kepelbagaian syurga mengikut darjat-darjatnya. Contohnya dapat dilihat pada peristiwa Isra' Mikraj yang berlaku kepada Rasulullah SAW. Perjalanan tersebut bagi Martin Lings menunjukkan ketinggian spiritual yang dinamakan Nur Muhammad sehingga Baginda dapat melihat apa yang belum pernah dilihat sebelumnya. Kemudian, Martin Lings membincangkan juga tentang kedatangan Malaikat Jibril yang telah muncul di hadapan Nabi SAW, Baginda melihatnya dalam bentuk seorang pemuda dengan rupa paras yang sangat tampan kerana mata manusia tidak diciptakan untuk menerima manifestasi *al-Haqq* yang lebih langsung daripada itu. Sesungguhnya penglihatan tersebut adalah persepsi kepada keagungan malaikat yang belum tersingkap (Lings, 2001: 20-21). Dalam hal ini, Martin Lings menjelaskan tentang mata jasmani (inderawi) adalah sinar kepada mata batin dan seorang salik tidak boleh membuka mata batinnya (apabila berharap dapat menyaksikan Hakikat) sebelum terjadinya hubungan dengan mata batin. Hal ini adalah kerana apabila mata jasmaninya telah menjadi penglihatan batin, maka dia mampu untuk menyaksikan Tuhan dengan seluruh anggota badannya seperti yang dikatakan oleh cucu Ibn al-Farid, "Aku seluruhnya mata bila Dia menampakkkan kepadaku, aku seluruhnya telinga bila Dia bercakap denganku" (Hakiki, 2018: 92).

Kesimpulannya, Martin Lings menjelaskan makrifat sebagai penglihatan atau pengetahuan yang diperolehi melalui hati dan bukanlah melalui akal. Justeru itu, beliau membawa ayat al-Qur'an sebagai bukti yang menunjukkan kebenaran perkara tersebut. Ayat tersebut menunjukkan bahawa perkara *sam'iyyat* yang tidak berada di alam dunia tidak mampu dilihat oleh mata jasmani. Begitu juga halnya dengan pengetahuan tentang hakikat Tuhan. Beliau juga menegaskan bahawa *ma'rifat Allah* hanya mampu dicapai apabila seseorang telah berada dalam *fana'* dan *baqa'*. Maka, Rasulullah SAW ialah manusia yang telah mencapai makrifat paling tinggi berdasarkan peristiwa Isra' Mikraj.

Amalan-amalan Tasawuf

Kedudukan Martin Lings dalam perbincangan tasawuf tidak hanya sebagai tokoh ilmuwan malah beliau juga seorang ahli atau pengamal tasawuf yang turut mendalami pengalaman-pengalaman kerohanian. Perbincangan *wahdat al-wujud* yang dikemukakan oleh beliau dengan menggunakan pendekatan falsafah dan sastera sebagai huraian

menunjukkan beliau ialah seorang sarjana yang mengkaji tasawuf secara umumnya dan fahaman *wahdat al-wujud* secara khususnya.

Penggabungan antara dua kutub keilmuan Barat dan Timur membawanya pada posisi seorang ilmuwan yang benar-benar komprehensif. Hal ini adalah kerana Martin Lings dikenali sebagai seorang cendekiawan yang produktif menghasilkan karya penulisan dalam pelbagai bidang ilmu. Karya-karya beliau terdiri daripada terjemahan teks Islam, kesusasteraan, bahasa dan falsafah. Ia juga diterima dengan baik oleh pembaca yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat. Pembacaan terhadap penulisan Lings sering disinonimkan dengan pemikiran sarjana Barat yang berbangsa Jerman seperti Titus Burckhardt dan Fritjof Schuon serta tokoh falsafah Perancis iaitu Rene Guenon. Identiti Lings di barat juga adalah sebagai penyebar agama Islam melalui penulisan-penulisan dan artikelnya yang jelas dan kritis. Tetapi, hal yang paling terkesan daripada Martin Lings adalah keterkaitan karya dengan jiwa ihsan yang dimilikinya kerana beliau telah mencurahkan sepenuh jiwa dan hatinya dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti (Hakiki, 2018: 93).

Melalui penjelasan beliau terhadap aspek-aspek tasawuf dalam karyanya, beliau dilihat sentiasa berusaha untuk menjustifikasikan setiap penjelasan dengan merujuk kepada al-Qur'an dan hadis. Contohnya dapat dilihat pada penjelasan beliau tentang asal usul Tasawuf yang menyatakan bahawa praktikal dalam ilmu tasawuf adalah hasil daripada penerimaan risalah oleh Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa beliau benar-benar meyakini bahawa semua praktikal dan teori yang terdapat dalam tasawuf adalah bersumberkan daripada al-Qur'an dan hadis yang diwahyukan oleh Allah.

Menurutnya lagi, bagi seorang sufi yang menempuh jalan menuju Tuhan, mereka seharusnya meneladani perilaku Rasulullah atau dengan menyebut-nyebut nama baginda berserta dengan puji-pujian kepadanya sebagai tanda mengingati baginda. Namun, cara lain yang lebih langsung adalah dengan mengingati Allah melalui cara amalan zikir kepada Allah atau disebut juga sebagai *dhikr Allah*. Pada masa yang sama, perlu dihayati segala yang tersirat di dalam nama-nama (zikir) tersebut.

Rentetan daripada itu, Lings (1991: 83) turut menjelaskan perbezaan zikir yang dilakukan mengikut cara sesebuah tarekat. Terdapat tarekat yang menyanyikan puji-pujian terhadap *Asma' Allah* diiringi dengan tarian. Antara yang paling masyhur adalah tarian yang diciptakan oleh Jalal al-Din al-Rumi dalam Tarekat Mawlawiyyah. Penari akan menyilangkan tangan di dada dan meletakkan di bahu. Manakala seorang penyanyi melaungkan qasidah dengan iringan seruling, rebana dan instrumen-instrumen lain. Kemudian, apabila syeikh mengambil tempat para penari, mereka akan masuk ke dalam lintasan yang berpusat pada tempat syeikh mereka. Tangan yang disilangkan akan dibentangkan sambil tangan kanan menadah ke atas dan tangan kiri ditelengkup ke bawah.

Tujuan tarian-tarian sebegini adalah untuk meletakkan pemusatan yang mendalam agar para penari menyelam ke dalam penumpuan kepada Allah. Meskipun tidak semua tarekat yang mempunyai tarian yang tersendiri, akan tetapi puji-pujian sentiasa menjadi gambaran khas dalam majlis-majlis zikir. Hal ini adalah kerana perkara utama yang ditekankan adalah *dhikr Allah* dan hanya yang berbeza adalah perinciannya sahaja. Contohnya amalan istighfar "Aku memohon ampun", ada yang ditambah dengan "Yang Maha Agung" atau "Tiada tuhan melainkan Dia, yang Hidup dan memelihara kehidupan dan kepadaNya aku bertaubat".

Meditasi (*fikr*) juga dianggap aspek penting yang mengiringi zikir. Bagi para sufi, sumber utama meditasi adalah al-Qur'an yang juga dikira sebagai zikir. Ayat al-Qur'an yang menggambarkan perhubungan antara fikir dan zikir adalah ayat yang ke 55 dan 56 Surah al-A'raf, "Bukankah dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang ? Berdoalah kepada Allah dengan hati yang khusyuk dan penuh pengharapan, berdoalah kepada Allah dengan kerendahan hati dan pengharapan". Oleh itu, Lings (1991: 84) menyimpulkan bahawa al-Qur'an telah menerangkan akan pentingnya meditasi sebgaimana yang

dianjurkan oleh Rasulullah. Hubungan antara *dhikr* dan *fikr* diumpamakan seperti fungsi darah dan urat-urat dalam kehidupan jasmani. Tanpa *dhikr*, *fikr* tidak memberi apa-apa manfaat dan *dhikr* pula tidak akan terlaksana tanpa *fikr*. Hasil atau pengalaman rohani yang diperolehi seseorang adalah hasil daripada pemahaman yang gigih iaitu tafakkur. *Tafakkur* adalah transformasi batiniah atau imaginasi yang mencapai refleksi yang selaras dengan hakikat spiritual.

Selain itu, menurut sebahagian ahli sufi, pembacaan al-Qur'an juga merupakan cara utama tafakur tentang Tuhan sepanjang hayat mereka. Oleh itu, ia dibaca secara berterusan oleh para Sufi meskipun kurang difahami bahasanya. Sebagai contoh, sufi dari India atau Afrika Barat, mereka amat kurang memahami bahasa Arab. Namun, fikiran mereka yang larut dalam kalimah Ilahi menjadikan bacaan tersebut setara dengan tasbih berpanjangan dalam nama Allah. Hal ini kerana, pada pandangan Lings (1991: 19), doa yang terkandung dalam Surah al-Fatihah; "Pimpinlah kami ke jalan yang lurus" diulang beberapa kali dalam solat telah menjadikan para sufi yang merupakan golongan yang benar-benar berhasrat 'menempuh jalan', mereka telah 'menyelam' ke dalam ayat ini. Kebiasaannya, ahli sufi menghadapkan diri mereka kepada pertanyaan, "Apakah jalan lurus itu?". Jadi, dalam menjawab persoalan inilah wujudnya tasawuf kerana ia bukan disebabkan alasan lain melainkan jalan penghampiran yang sesungguhnya kepada Tuhan. Dari sini jugalah munculnya perkataan *tariqah* yang bermaksud 'jalan' dan diperluaskan lagi maknanya.

Dalam membahaskan soal pengamalan dalam bertasawuf juga, Martin Lings turut menekankan terhadap ibadah yang telah difardukan dalam Islam. Antaranya adalah mendirikan solat kerana beliau berpendapat bahawa bagi seseorang *mubtadi*, apabila dia mengikuti suatu tarekat maka baginya wajib mengerjakan amalan fardu yang telah ditetapkan atau disebut sebagai rukun Islam yang lima termasuklah menunaikan solat termasuk bahagian yang tidak dapat dipisahkan darinya iaitu wuduk. Bagi para sufi pula, mereka bukan sahaja melaksanakan ibadat solat dengan menghadap kiblat semata-mata, malah mereka juga menjalankan amalan-amalan ibadah lain yang menjadi pendorong kepada pencurahan batiniah (Lings, 1987: 72).

Kemudiannya, Lings mendatangkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam menegaskan perkara ini. Maksud hadis tersebut adalah sebagaimana berikut,

Tiada satu perkara yang lebih menyenangkanKu, sebagai cara hambaKu mendekati diri kepadaKu kecuali dengan ibadah yang telah Aku wajibkan keatasnya dan hamba-hambaKu tidak henti-henti mendekati Aku dengan amalan-amalan sunnah yang dikehendaknya sendiri sehingga Aku mencintainya. Apabila Aku mencintainya, Aku menjadi pendengarnya dengan itu dia mendengar, Aku menjadi penglihatannya dengan itu dia melihat, Aku menjadi tangannya dengan itu dia menggenggam dan Aku menjadi kakinya dengan itu dia melangkah (al-Bukhari, *Sahih Bukhari, Kitab al-Riqaq, Bab Tawadu*).

Berdasarkan pandangan Martin Lings itu, dapat dilihat bahawa ia disokong oleh kenyataan Ibn Ata'illah yang telah disyarah oleh Zulkifli al-Bakri (2006) yang menyatakan, solat adalah penyucian hati daripada segala kekotoran dosa. Selain dapat menyingkap keghaiban. Ketika seseorang berdiri untuk melaksanakan solat, maka secara automatik terbukanya pintu-pintu perkara ghaib. Jika diperhatikan kepada enam rukun iman, semuanya bersangkutan dengan keimanan yang ghaib dan semua itu dapat diselami dalam ibadah solat melalui ucapan *tahmid*, *salam* dan sebagainya. Solat juga merupakan waktu untuk bermunajat, maka munajat adalah keadaan solat yang paling tinggi.

Jadi, Lings (2005: 185) menyimpulkan ibadah solat adalah satu siri amalan ritual yang merupakan penumpuan tertinggi dalam Islam kerana setiap pergerakan atau rukun-rukun solat adalah kompleks serta menggambarkan simbolik yang sempurna di samping

mampu memberi faedah dalam kehidupan seharian seperti ketenangan jiwa, memperolehi keinsafan, mengelak daripada perbuatan dosa dan sebagainya. Oleh itu, pensyariatannya telah termaktub di dalam al-Qur'an berserta penjelasan cara pelaksanaannya melalui Rasulullah SAW.

Akhir sekali, Lings menegaskan bahawa golongan yang memutuskan untuk mengikuti jalan spiritual secara khusus atau bersuluk adalah cara yang paling baik kerana amalan ini sangat perlu bagi setiap muslim untuk lebih dekat dengan Tuhan. Hal ini adalah berdasarkan sebuah hadis Qudsi yang menyatakan, "Jika ia (hambaKu) mendekati kepadaKu sejengkal, Aku akan mendekati kepadanya sedepa, dan bila ia mendekatiku sedepa, Aku akan mendekatinya sehasta dan bila ia menghampiriKu dengan berjalan, Aku akan mendekatinya dengan berlari" (al-Bukhari, *Sahih Bukhari, Kitab al-Tawhid*).

KESIMPULAN

Martin Lings telah mengemukakan perbincangan *wahdat al-wujud* sebagai dasar utama dalam memperkenalkan tasawuf kepada Barat. Di samping itu, beliau turut membincangkan juga berkenaan aspek-aspek tasawuf yang lain yang berkaitan seperti *tanzih*, *tashbih*, *tajalli* dan makrifat. Daripada perbincangan tersebut, Martin Lings berpandangan bahawa *wahdatul wujud* adalah suatu penerangan tentang wujud yang hakiki iaitu wujud Allah yang maha Esa. Oleh itu, *tanzih* dan *tashbih* menjadi dua paduan aspek yang penting dalam menjelaskan hakikat Allah SWT. Manakala, *tajalli* adalah suatu penyingkapan diri Tuhan yang hanya berlaku kepada seseorang yang telah mencapai *fana'*. Beliau juga mendatangkan perbincangan berkenaan makrifat yang merupakan *maqam* tertinggi yang mampu dicapai oleh salik dalam mengenal Allah.

Selain itu, Martin Lings juga membincangkan amalan-amalan utama para sufi yang membolehkan mereka menerima pengalaman kerohanian dalam tasawuf. Antara ibadah yang ditekankan adalah ibadah solat yang telah difardukan sebagai rukun Islam. Pada masa yang sama, beliau turut menekankan terhadap amalan sunat seperti *dhikr Allah* dan membaca al-Qur'an memandangkan amalan tersebut adalah amalan yang dilazimi oleh para sufi. Kesimpulannya, Martin Lings bersetuju bahawa setiap pengalaman kerohanian yang dicapai dalam bertasawuf adalah berdasarkan ibadah-ibadah yang diamalkan.

RUJUKAN

- Abdul Hadi, W.M. (2016). *Hermenutika Estetika dan Religiusitas*. Indonesia: Sadra Press.
- Abdul Wahab. (2004). *Berselimut Cahaya Tuhan*. Terj. Kurniawan, Irwan. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Anon. (2010). Hidayah Allah untuk Sang Penyair. *Kisah Muallaf*. Diakses dari <https://kisahmuallaf.wordpress.com/2010/12/07/martin-lings-hidayah-allah-untuk-sang-penyair/>
- al-Baruhi, al-Nu'man Sulayman ibn Ibrahim. (2002). *al-Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*. Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd
- Burckhardt, Titus. (1987). *Mengenal ajaran Kaum Sufi*. Terj. Azra, Azyumardi. Jakarta: Pustaka Jaya.
- al-Ghazali. (2004). *Penyingkapan Hati kepada Rahsia-rahsia Ilahi*. Terj. Thahirah Abdur Rahman. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hakiki, Muhammad. (2018). Diskursus Tasawuf Di Barat (Membaca Pemikiran Martin Lings). *Al-Adyan Jurnal Studi Lintas Agama*. 13(2), 231-260.
- Jinchou, Ayu. (t.th.), Tasawuf Akhlaki. *Academia*. Diakses dari https://www.academia.edu/19606350/Tasawuf_Akhlaki

- Lings, Martin. (1976). *The Quranic Art of Calligraphy and Illumination*. England: Westerham Press
- Lings, Martin. (1983). *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*. Cambridge: The Islamic Text Society
- Lings, Martin. (1989). *Syeikh Ahmad al-Alawi Wali Sufi Abad 20*. Terj. Abdul Hadi. Bandung: Penerbit Mizan.
- Lings, Martin. (1991). *What is Sufisme?* Terj. Akhmad. Jakarta: Pedomon Ilmu Jaya.
- Lings, Martin. (1993). *A Sufi Saint of the Twentieth Century Shaikh Ahmad al-Alawi*. Ed. ke-2. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Lings, Martin. (2001). *Kitab Kesucian: Doktrin tentang Keyakinan, Penglihatan Batin dan Ma'rifat*. Terj: Asnawi, A. Surabaya: Risalah Gusti
- Lings, Martin. (2005). *A Return To The Spirit*. Louisville: Fons Vitae.
- M. Zain Abdullah. (2013). *Tasawuf dan Zikir*. Johor Bahru: Perniagaan Jaharbersa.
- Maksum, Ali. (2003). *Tasawuf sebagai Pembebasan Manusia Modern, Telaah Signifikansi Konsep "Trasionalisme Islam" Syyed Hussein Nasr*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Muhammad, Ahmad. (2015). Relasi Sufisme dengan Modernitas dalam Perspektif 'Abd Al-Halim Mahmûd. *Teosofi Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam*. 4(1), 88-188.
- New York Times*. (2005). 29 Mei.
- Nordi Achie. (2012). *Fitnah Sufi: Fatamorgana Tasawuf Fenomena Tarekat*. Kuala Lumpur: University Malaya Publishing
- Rohimuddin Nawawi. (2011). *Inilah Tasawwuf: Sufi yang Berpegang kepada Manhaj Sahih Nilai*: Darul Hasani Enterprise
- Sholikhin, Muhammad. (2013). *Sufi Modern*. Jakarta: PT Elex Media.
- Sholikhin, Muhammad. (2013). *Sufi Modern*. Jakarta: PT Elex Media.
- Suyuti, Achmad. (2003). *Percikan Kesufian Dialog Ajaran Taswuf*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn Bhd.
- Zakaria Stapa. (1998). *Tokoh Sufi dan Penyelewengan Akidah*. Kuala Lumpur: Berita
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. (2006). *Syarah al-Hikam*. Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.